

Oleh RAHIME YUSOFF

KEJAYAAN Malaysia mengajurkan Kejuaraan Silat Sedunia '87 membuka mata kepada pencinta silat tempatan bahawa perkembangan silat sudah mewabah tembok benua Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

Hari ini, peristiwa dua tahun lalu di Stadium Negara berulang lagi dengan Kejuaraan Terbuka Malaysia disertai oleh sebelas negara.

Lima negara Eropah, Austria, Jerman, Belanda, Perancis, Belgium dan Australia mengesahkan penyertaan. Manakala Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand dan Malaysia selaku tuan rumah menyeraikan dua pasukan.

Pertemuan jaguh-jaguh dari Eropah dan rantau Asia Tenggara tetap menjalinkan kecanggihan pergerakan silat. Turut diperbandingkan bukan saja silat olahraga, tetapi silat seni dengan matlamat mengekalkan keindahan seni silat. B. Minggu (M)

Kejayaan silat memecah tembok Eropah adalah satu fenomena baru bahawa budaya keagungan rantau Melayu mula mendapat tempat di kalangan orang kulit putih.

- 2 DEC 1990
Menjual

Masih menjadi tanda tanya, bertapaknya silat di barat apakah kerana peranan Malaysia atau khususnya Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) memperkenalkannya?

Kira-kira enam tahun silat bertapak di Barat, Malaysia cuma mengambil giliran awal tahun ini apabila jurulatih silat negara, Mufti Ansaari mula memperkenalkan silat di Eropah.

Walaupun sebelum ini, Razak Othman, memperkenalkan silat di Great Britain, ia tidak begitu berkembang kerana beberapa masalah.

Apakah Malaysia akan terus membisu dalam menyusur arus menjual silat di Barat, sedangkan kalangan pencinta silat di Eropah lebih mengenali Indonesia yang menjadi pengasas perguruan di sana?

Pegawai Pesaka sudah lama bercakap bagi menghantar ramai jurulatih ke Barat, tetapi cakap mereka cuma tinggal cakap kosong. Dalam hal ini, perkataan 'cakap perlu serupa bikin' amat perlu jika mahu melihat silat berkembang segar di Barat hasil buah tangan perguruan dari Malaysia.

Tiada siapa tidak berbangga dengan perkembangan silat di Eropah. Ini turut membuktikan kata-kata hikmat pahlawan keagungan bangsa - Hang Tuah: 'Tuk Melayu Hilang di Dunia' menjadi kenyataan. Oleh itu, Malaysia perlu mengimbangi Indonesia dalam menjual silat di Barat.

Ini bagi memastikan Malaysia bukan sekadar berjaya menjadi tuan rumah kejuaraan silat bah-

USAHA MENGIMBANGI INDONESIA

Cakap tidak serupa bikin



Apakah Malaysia akan terus membisu dalam menyusur arus menjual silat di Barat, sedangkan kalangan pencinta silat di Eropah lebih mengenali Indonesia yang menjadi pengasas perguruan di sana?

kah sekaligus menjadi penjajar silat di Barat; beberapa langkah perlu dibuat.

Sudah waktunya Pesaka yang dipimpin oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, membentuk satu Akademi Silat Malaysia bagi melahirkan jurulatih berkemampuan untuk dihantarkan ke pelusuk dunia.

Di samping itu, Akademi Silat ini juga boleh berfungsi sebagai tempat melatih pesilat dari Barat mendalam ilmu persilatan. Selebihnya, Pesaka jangan cuma memandang ke Barat, tetapi perlu menjual silat ke Asia Barat dan Asia Timur.

Oleh itu, seluruh perguruan besar mahupun kecil yang bertaburan di negara ini perlu memikir bersama ke arah positif dan jangan lagi menjadi seperti 'Katak di Bawah Tempurung'.

Selama ini, kebanyakan perguruan terlalu negatif bahawa silat cuma milik bangsa Melayu dan tidak boleh dipelajari oleh kaum asing. Kita tidak akan hilang martabat jika menjual silat ke pelusuk dunia kerana bidalan lama membuktikan 'Ular

menyusul akar tidak akan hilang bisanya'.

Bagaimanapun, matlamat yang diharapkan tidak mungkin tercapai selagi tidak ada kerjasama daripada Kementerian Luar, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan.

Kementerian Luar harus memain peranan utama menjual silat di serata dunia seumpama dilakukan oleh Indonesia. Oleh itu, perlu ada peruntukan dan memberi kemudahan tempat tinggal kepada jurulatih tempatan di negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Peranan Kementerian Pendidikan juga mustahak dengan menganjurkan setiap pelajar ke luar negara mendalami silat dengan tujuan memperkenalkannya di kalangan pelajar tempat mereka belajar.

- 2 DEC 1990

Manakala, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan perlu membariskan orang silat sejati dalam rombongan menjual budaya ke luar negara. Selama ini, penari menjadi pengganti mempamerkan silat dan terbukti mereka gagal mempari keunggulan silat sebenar.

Kembali kepada Kejuaraan Terbuka Malaysia selama enam hari bermula hari ini, mampukah negara meraih kejayaan cemerlang bagi mengatasi pengawas Indonesia selama ini.

Kelemahan ketara dalam pembentukan skuad negara ialah kurangnya jurulatih berwibawa. Jurulatih yang diberi kepercayaan tidak mahu mengetepikan corak perguruan. Selagi masalah ini tidak diselesaikan, negara tidak mampu menjadikan kuasa dalam acara silat olahraga.

Selain itu, Majlis Sukan Negara (MSN) seolah-olah belum sepenuhnya mengiktiraf silat kerana setiap kejayaan pesilat di peringkat antarabangsa, imbuhan daripada Skim Hadiah Kemenangan di beri seumpama sagu hati. B. Minggu (M)

Oleh itu, dengan kepimpinan Tan Sri Haji Muhammad adalah diharapkan negara akan menjadi pusat pengeluar tenaga jurulatih dan tumpuan penggemar silat dari luar negara untuk mendala-mi silat di sini.

negara. Kelebihannya, cerita yang digarap ada unsur sejarah atau lebih tepat mengenai legenda keagungan masyarakat Melayu dahulu kala.

Tidak menghairankan jika filem *Saur Sepuh*, kini sudah dibuat dalam empat siri dan mungkin bertambah lagi. Penerbitnya, PT Kanta Indah membawakan satu lagi siri baru iaitu *Tutur Tinular* yang kini memasuki siri kedua.

Rapi Film pula mengeluarkan siri *Pedang Nagapasa* yang penuh adegan perkelahian di udara, arahan Slamet Riyadi dan lakonan W D Mochtar, Afrizal Anoda, Aneke Puteri dan Advent Bangun.

Sudah puluhan filem silat diedarkan di pasaran, bahkan, raja dangdut Rhoma Irama yang selama ini membuat filem dakwah, turut bersilat menerusi *Jaka Swara* yang baru saja diedarkan.

Yang menarik, beberapa filem silat Indonesia sudah menembusi pasaran antarabangsa. "Jika mahu diedarkan ke luar negara, filem itu mestilah benar-benar baik, dibuat sungguh-sungguh dan menghadirkan ribuan pelakon," kata produser Rapi Film, Gope T Samtani.

Filem terbarunya, *Pedang Nagapasa* ditawarkan untuk pasaran Eropah dan Amerika Syarikat.

"Yang menyulitkan ialah proses dubbing ke dalam bahasa Inggeris yang memerlukan

waktu lama," katanya.

Menurutnya, daya tarikan filem Indonesia ialah teknik *camera trick* yang dapat menyaingi teknik di Hong Kong.

Untuk teknik seperti ini, filem *Pedang Nagapasa* membelanjakan lebih Rp70 juta (lebih M\$100,000) seperti adegan terbang, cahaya ghaib dan bahagian tubuh terbelah dua atau tiga.

- 2 DEC 1990

Ratno Timoer, pengarah yang tetap memegang watak Si Buta belum berminat memasarkan filem silatnya ke luar negara.

"Sasaran saya cukup di Indonesia saja, atau paling lebih ke Malaysia dan Singapura. Permintaan masyarakat Indonesia terhadap filem saya cukup besar," jelasnya.

Menurutnya, setiap filem yang dikeluarkan tidak memerlukan belanja besar. Modal filem *Lembah Maut* (siri keenam *Si Buta*...) hanya Rp200 juta (\$300,000). Minggu (M)

Memang *camera trick* filem Indonesia sudah cukup baik. Penonton sering tertipu dengan teknik begini tetapi masih ada masalah menghasilkan filem silat yang lengkap.

Disebabkan cerita silat kebanyakannya berbentuk sejarah seperti latar belakang pemerintahan Kerajaan Majapahit, terasa sekali kelemahannya terletak pada senarionya yang kurang penyelidikan dan kajian.

Di Malaysia, sejak akhir-akhir ini filem silat tidak lagi dibuat. Penerbit dan pengarah mungkin tidak berminat atau bimbang tidak mendapat sambutan.